

HARGAI KEPELBAGAIAN, LESTARI KESATUAN BANGSA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًا كَانَهُمْ بُنِينَ مَرْصُوصًا ﴿٤﴾

(Surah As-Saff, ayat: 4)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Allah SWT berfirman dalam kitab suci-Nya:

مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta bertakwala kamu kepada-Nya; dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan yang musyrik.” (S. Ar-Ruum: 31).

Sehubungan dengan firman Allah SWT tersebut, maka marilah kita laksanakan segala perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan menjauhi segala perkara yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan, berkat keikhlasan kita mentaati dan mematuhi suruhan Allah SWT, kita berhasil menjadi orang yang bertaqwa sekali gus tidak tergolong sebagai orang yang musyrik.

SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Hari ini, iaitu tanggal 16 September adalah hari penuh sejarah bagi seluruh rakyat negara ini. Ini kerana, pada tarikh ini pada tahun 1963 lalu, terbentuklah negara Malaysia secara rasmi menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Pembentukan Malaysia bukan sahaja membawa kepada penyatuan dua wilayah yang dipisahkan oleh Laut China Selatan, malah ia juga membawa kepada penyatuan pelbagai kaum dan etnik yang berlainan agama dan budaya.

Oleh hal yang demikian, dengan adanya sambutan Hari Malaysia setiap kali tarikh keramat 16 September ini, diharapkan kecenderungan untuk melihat Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebagai entiti yang berada dalam wilayah yang berasingan akan terhakis. Sambutan hari ulang tahun pembentukan Malaysia ini juga diharap terus dihayati, dikenang dan dihargai bukan sahaja oleh rakyat Sabah dan Sarawak tetapi juga seluruh warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, etnik dan agama.

Menghayati, mengenang dan menghargai pembentukan Malaysia begitu penting kerana membina perpaduan dan kesatuan bangsa dalam masyarakat bersifat majmuk bukanlah satu usaha yang mudah. Sedangkan perpaduan, kesatuan dan keharmonian adalah aset paling berharga untuk mencapai taraf negara yang aman dan maju berpendapatan tinggi. Maka, kini bukanlah masanya untuk rakyat berselisih faham dan berpecah belah, tetapi adalah masa untuk melestarikan kesatuan negara bangsa Malaysia walau apa dugaan yang merintang.

PARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA,

Antara pendekatan dalam melestari dan mengekalkan kesatuan Malaysia ialah menghargai kepelbagaian yang wujud di kesemua negeri di negara ini. Kepelbagaian sosial yang merangkumi etnik, ras, agama, budaya, adat resam dan sosio-ekonomi yang berbeza hendaklah diterima seadanya. Kepelbagaian yang wujud itu adalah anugerah Allah SWT yang secara langsung mencerminkan kebesaran dan kekuasaan-Nya dalam mencipta dan mentadbir alam semesta ini.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”* (S. Al-Hujurat: 13).

Berpandukan kepada mafhum firman Allah SWT ini, kepelbagaian negeri, kaum dan etnik yang menghiasi negara kita merupakan sebahagian daripada tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Dengan hal yang demikian, kewujudan negeri-negeri di Malaysia dengan kepelbagaian kaum, etnik dan agama yang menghuninya hendaklah dilihat sebagai satu rahmat. Sebagai satu rahmat Allah, maka ia hendaklah dihargai, diterima dan disyukuri dengan memastikan kepelbagaian yang wujud itu tidak menjadi tembok pemisah dalam memulihara kesatuan bangsa.

Dengan kata lain, meskipun berlainan negeri, berlainan suku keturunan, berlainan bahasa, berlainan agama dan budaya, kita semua mesti berpegang kepada beberapa prinsip untuk melestarikan perpaduan dan kesatuan bangsa. Prinsip-prinsip berkenaan adalah saling menghormati, sikap bertoleransi, menjaga sensitiviti dan saling mempercayai antara satu sama lain di samping mengikis semangat kesukuan, kenegerian dan wilayah.

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Lihatlah dan renungkanlah perpecahan dan pergaduhan yang berlaku sesama sendiri di antara penduduk-penduduk di sesetengah negara seperti di Syria, Iraq, Yaman dan lain-lain lagi. Kerana perpaduan dan kesatuan bangsa tidak wujud, maka terjadilah perselisihan, pergaduhan dan juga peperangan saudara. Akibatnya, hidup rakyatnya dipenuhi dengan penderitaan dan kesengsaraan, banyak harta benda musnah dan beribu-ribu nyawa terkorban, termasuk kanak-kanak, wanita dan warga emas.

Keadaan sedemikian sudah semestinya dijadikan teladan dan pengajaran oleh rakyat negara ini, apatah lagi keadaan masyarakat kita yang bersifat majmuk. Ini berikutan dengan terdapatnya anasir yang tidak suka melihat persefahaman dan kerjasama wujud di kalangan masyarakat kita. Mereka lebih suka melihat masyarakat kita berselisih faham dan tidak bersatu padu sehingga sanggup memainkan isu-isu sensitif seperti sentimen kenegerian, kaum, agama dan sebagainya untuk kepentingan tertentu.

Kita sebagai rakyat beragama Islam bukan sahaja dituntut supaya berwaspada dan mengawasi kegiatan-kegiatan golongan anti masyarakat berkenaan, malahan kita juga berkewajipan menghindari perselisihan dan perpecahan sesama sendiri. Perbuatan menyala api perselisihan dan anti kesatuan dan perpaduan tidak boleh dibiarkan merebak dan berkembang kerana ia boleh melemahkan kesatuan ummah dan negara bangsa. Ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: "Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar." (S. Al-Anfal: 46).

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Anjuran supaya bersabar yang dinyatakan dalam firman Allah SWT tersebut bukanlah bererti mengalah atau berlemah lembut dalam menghadapi kerenah anasir jahat yang mahu melemah dan meruntuhkan kesatuan bangsa. Sabar yang dimaksudkan adalah menggunakan akal dan keintelektualan, bukannya menurut emosi dan nafsu dalam mendepani muslihat mereka yang berniat jahat. Hikmahnya adalah untuk memastikan perjuangan untuk memajukan negara berasaskan perpaduan dan kesatuan bangsa tidak tergugat kerana buruk padanya jika diabaikan.

Rasulullah SAW bersabda: "Aku wasiatkan kepada kamu (agar mengikuti) para sahabatku kemudian generasi berikutnya. Kamu harus berjemaah. Waspadalah terhadap perpecahan, kerana sesungguhnya syaitan bersama orang yang sendirian dan akan lebih jauh dari dua orang. Barang siapa menginginkan bau syurga, maka hendaklah ia berpegang teguh dengan jemaah." (HR At-Tarmizi).

Sehubungan dengan mafhum sabda Rasulullah SAW tersebut, marilah kita sedari bersama bahawa jatuh bangun sesebuah kesatuan bangsa itu terletak kepada perpaduan dan kesepakatan hidup rakyatnya. Maka adalah diharapkan agar setiap warga Malaysia dapat merapatkan saf jemaah untuk memelihara hubungan baik antara kaum dalam suasana muhibah. Ini akan memperteguhkan lagi kesatuan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang kukuh dan teguh untuk diwariskan kepada generasi akan datang dalam keadaan aman, kuat dan makmur.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Ibarat sebagai seorang manusia, usia lebih separuh abad lazimnya membentuk kedewasaan, kematangan, dan kebijaksanaan. Hal ini disebabkan pengalaman yang ditempuh sepanjang kehidupan banyak menimbulkan keinsafan dan pengajaran. Dan demikianlah juga seharusnya buat negara kita Malaysia. Pembentukan Malaysia yang sudahpun menjangkau 53 tahun kini seharusnya menjadikan negara dan rakyatnya lebih dewasa, matang dan berwibawa.

Selaras dengan tahap kedewasaan, kematangan dan kewibawaan yang ditempa, rakyat seharusnya tidak lagi membiarkan diri mudah dikotaktakkan oleh petualang bangsa yang menyemai benih-benih kebencian, adu domba dan perpecahan. Sebaliknya, hendaklah terus mara ke depan memperteguh kesatuan bangsa dengan mengetepikan tembok pemisah yang ada untuk mengukir perpaduan dan kemajuan yang lebih cemerlang dan gemilang.

Ayuh warga Muslim sekalian! Mari kita perkukuhkan jati diri bangsa dengan mengekal dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak demi membina negara bangsa. Korbankanlah kepentingan diri dan kelompok tertentu demi melakarkan perjuangan yang lebih bermakna, iaitu berkorban apa saja sama ada harta ataupun nyawa bagi melestari survival kesatuan negara bangsa mendukung syariat dan daulah Islamiah. Inilah misi kita selaku Khaira Ummah yang mengajak kepada yang makruf dan menjauhi yang mungkar selaras firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)." (S. Ali Imran: 10)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.